

### Pelarasan Tarif Baharu Bekalan Air

Berkuat Kuasa Mulai 1 Ogos 2025

#### 1. Apakah tujuan pelarasan tarif baharu ini dilaksanakan?

- Pelarasan tarif ini adalah berdasarkan Penetapan Tarif Berasaskan Kos (TSM) yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
- Memastikan kualiti rawatan air lebih tinggi dan konsisten serta mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Menampung kos operasi seperti tenaga, bahan kimia, penyenggaraan dan perkhidmatan pelanggan.

#### 2. Bilakah pelarasan ini akan berkuat kuasa?

Mulai **1 Ogos 2025**.

#### 3. Siapakah yang terlibat dengan pelarasan ini?

- Domestik (**Meter Individu**)
- Bukan Domestik (**Industri/Perniagaan**)
- Domestik (**Meter Pukal**)
- Rumah Ibadat & Institusi Kebajikan
- Perkapalan
- Pusat Data

#### 4. Berapakah kadar tarif selepas pelarasan bagi premis saya?

- **Domestik:** Kenaikan 8 sen/m<sup>3</sup> (bawah 20m<sup>3</sup>), caj minimum RM6.60.
- **Bukan Domestik:** Kenaikan purata RM1.24 sehari.
- **Rumah Ibadat & Institusi Kebajikan:** Kadar dikekalkan.
- Gunakan kalkulator bil dan rujuk jadual penuh: [www.satuwater.com.my](http://www.satuwater.com.my)



### 5. Adakah terdapat bantuan untuk golongan B40?

Ya. Subsidi air percuma untuk golongan B40 masih dikekalkan.

### 6. Adakah subsidi air untuk masjid dan surau dikekalkan?

Ya. Kerajaan Negeri Terengganu melalui Syarikat Air Terengganu (SATU) kekal komited dalam memperkuuh peranan institusi keagamaan dan kebajikan rakyat.

### 7. Bagaimanakah proses permohonan dan kelulusan tarif ini dibuat?

- i. Permohonan oleh operator air bersama Kerajaan Negeri kepada SPAN.
- ii. SPAN mengesyorkan kepada Menteri PETRA.
- iii. Cadangan dibentang ke Jemaah Menteri untuk kelulusan.
- iv. Diluluskan dan Warta Kerajaan Persekutuan dikeluarkan.

### 8. Mengapa pelarasan tarif TP2 dilaksanakan selepas TP1 baru bermula pada Februari 2024?

- Pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air TP2 perlu berlaku pada tahun 2025 bagi membolehkan operator air menampung kos penyediaan perkhidmatan bekalan air bagi tiga tahun berikut (2026 hingga 2028) selaras konsep TSM.
- Pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air secara berperingkat penting bagi mengurangkan impak pelarasan tarif air yang signifikan kepada pengguna.



### 9. Adakah kadar tarif air sama di seluruh negeri?

Tidak. Ia berbeza mengikut kos operasi dan infrastruktur serta liabiliti setiap operator.

### 10. Bagaimana pengguna boleh menjimatkan penggunaan air?

- Pastikan tiada kebocoran paip selepas meter.
- Menggunakan produk cekap air.

### 11. Di manakah saya boleh menyemak kadar tarif yang baharu?

Sila layari laman sesawang rasmi di : [www.satuwater.com.my](http://www.satuwater.com.my)

### 12. Di mana saya boleh mendapatkan keterangan lanjut?

- Hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan SATU di talian **1300-88-2111**
- Layari laman web :  
SATU : [www.satuwater.com.my](http://www.satuwater.com.my)  
SPAN : [www.span.gov.my](http://www.span.gov.my)

